

Mahathir hantar pekeiling jelaskan dasar

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengeluarkan surat pekeiling kepada semua ketua jabatan menerangkan dasar-dasar kerajaan mengenai pengsyarikatan Malaysia, pengswastan dan kepimpinan melalui teladan.

Mengenal dasar pandang ke timur, Perdana Menteri berkata, ini bermakna mengambil negara-negara timur yang pesat maju sebagai contoh dalam usaha membangunkan Malaysia.

Perkara-perkara yang harus ditumpukan perhatian ialah kerajinan dan disiplin bekerja, kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaan yang para pekerjanya memberikan keutamaan kepada kumpulan dan bukan diri sendiri.

Dasar itu juga antara lain menekankan daya pengeluaran dan mutu yang tinggi, peningkatan kecekapan, pengurangan perbezaan dan jurang an-

laga eksekutif dengan pekerja, sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang yang dipercayal boleh menyumbangkan kepada kemajuan negara.

Surat itu telah diserahkan kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan Persekutuan, Ketua Pengarah Badan-Badan Berkanun dan Setiausaha Kerajaan Negeri untuk didedarkan kepada kakitangan mereka agar memahami dengan tepat perkara-perkara itu.

Menurut surat itu Perdana Menteri telah menerangkan bahawa pan-

dang ke timur tidak bermakna meminta-minta dari orang timur, atau memindahkan tanggungjawab memajukan Malaysia kepada negara-negara timur.

"Tanggungjawab terhadap negara kita adalah tanggungjawab kita dan bukan orang lain," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengatakan pandang ke timur tidak bermakna membeli semua barang atau memberi semua kontrak kepada syarikat-syarikat negara timur, kecuali tawaran mereka adalah

yang terbaik.

Mengenal konsep pengsyarikatan Malaysia pula beliau berkata ia bermakna menganggap Malaysia sebagai sebuah syarikat yang kerajaan dan swasta menjadi pemilik pekerja dalam syarikat itu.

"Jika Malaysia dianggap sebagai sebuah syarikat maka penduduknya sama ada kakitangan kerajaan atau swasta, adalah pemilik dan pekerja dalam syarikat Malaysia."

Buruk

"Syarikat Malaysia tentulah bergantung kepada usaha dan kerjasama semua pihak, sama ada dari kerajaan atau swasta," katanya.

Katanya, kerajaan membiayai semua perbelanjaan, termasuk gaji kakitangannya, dari cukai dan hasil yang dikumpul dari kegiatan dan keuntungan perniagaan dan perusahaan swasta.

"Lebih maju dan berjaya pihak swasta dan lebih banyak perniagaan dan perusahaan maka lebih banyaklah hasil dan cukai yang dipungut oleh kerajaan."

"Lebih cokol dan lebih segera khidmat kerajaan maka lebih besarlah kemungkinan syarikat-syarikat mendapat keuntungan.

"Sebaliknya jika khidmat yang buruk diberi oleh kerajaan, menjadikan perniagaan tidak mendapat untung yang sepatutnya, atau terpaksa menaikan harga untuk menampung pengurusan."

Dalam keadaan demikian, jelasnya, bukan sahaja kerajaan tidak akan dapat memungut cukai yang banyak, tetapi sara hidup juga akan meningkat dengan bermacam-macam akibat yang buruk.

Beliau menakrifkan pengsyarikatan Malaysia sebagai konsep kerjasama kerajaan dengan swasta supaya pihak swasta akan berjaya dan memberi lebih banyak sumbangan kepada pembangunan negara.

Mengenai pengswastan pula, Perdana Menteri menerangkan bahawa ia bererti memindahkan perkhidmatan dan perusahaan kerajaan kepada swasta.

Katanya, biasanya syarikat dan perkhidmatan yang dimiliki dan diurus oleh kerajaan kurang berjaya atau terus rugi kerana cara pengurusan kerajaan amat berbeza dari pengurusan swasta. Sebaliknya perniagaan dan perusahaan swasta lebih kerap untung daripada rugi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia